



KENYATAAN MEDIA

IPEF 2021 BANTU PEMULIHAN SEKTOR TENAGA KERJA NEGARA

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan menganjurkan **International Public Employment Forum 2021 (IPEF 2021)** dengan matlamat untuk membantu mempersiapkan orang ramai terutamanya golongan majikan, pekerja dan pencari kerja dengan maklumat serta berkongsi amalan terbaik bagi membina semula kehidupan pasca pandemik COVID-19.

Forum antarabangsa yang dianjurkan secara maya ini bakal menghimpunkan **tiga (3) program** berbeza di bawah satu bumbung dan akan diadakan **secara serentak**, bermula **6 hingga 9 September 2021**. Program-program tersebut adalah **SOCSO's Regional Return to Work (RTW) DIGIMOS Symposium 2021** (6 - 7 September), **International Public Employment Services Symposium** (7 – 8 September) dan **Ekspo Kerjaya** (7 – 9 September). Ketiga-tiga program ini adalah **terbuka** kepada seluruh lapisan masyarakat dan penyertaannya adalah **percuma**

Bertemakan '*Navigating Disability Management Through the New Normal: Return to Work Process Re-engineering*', program **RTW DIGIMOS Symposium 2021** ini dianjurkan selari dengan usaha PERKESO untuk terus **membantu golongan Orang Kurang Upaya (OKU)** dalam mengharungi cabaran pandemik COVID-19. Persidangan kali pertama anjuran PERKESO ini dijangka akan mengumpulkan lebih **1,000 peserta** dari seluruh pelosok Asia Tenggara dengan mengetengahkan barisan panel jemputan yang terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang **pengurusan hilang upaya** dan **rehabilitasi di tempat kerja**. Antaranya ialah Ketua Eksekutif PERKESO - Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed; Pengarah Eksekutif, International Disability Management Standards Council, Kanada - Wolfgang Zimmerman; dan Profesor dalam bidang Pemulihan dari University of Texas Rio Grande Valley, Amerika Syarikat - Prof Dr. Rene Gonzalez.

Menerusi program **International Public Employment Services Symposium** pula, PERKESO berhasrat untuk mewujudkan satu **platform perkongsian idea** dan **bertukar pandangan** daripada pakar-pakar dalam pasaran buruh negara mengenai langkah-langkah membangunkan semula ekonomi negara selepas pandemik COVID-19. Persidangan dua hari ini dijangka menarik lebih daripada **40,000 penyertaan** di samping menampilkan barisan panel hebat dan terkemuka dari sektor awam dan swasta antaranya Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU, Dato' Sri Idris Jala; Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings, Datuk Wira Dr Hj Ameer Ali Mydin; Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Plantation, Helmi Othman Basha; Legenda Bola Sepak Negara, Datuk Santokh Singh, Dato' Soh Chin Aun dan Datuk James Wong; Pelakon, Pelawak dan Penyampai TV, Douglas Lim serta ramai lagi.

Bagi melengkapkan penganjuran IPEF 2021, PERKESO turut mengadakan **Ekspo Kerjaya** secara maya khusus buat golongan pencari kerja tempatan. Dengan lebih **20,000 kekosongan** jawatan ditawarkan daripada **126 majikan**, program ini diharap dapat membantu merangsang pasaran buruh negara, selain menjadi platform carian pekerjaan yang mudah buat rakyat Malaysia yang sedang mencari pekerjaan dari rumah ketika tempoh pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) masih berjalan. Antara majikan utama yang hadir untuk menyertai Expo Kerjaya ini termasuklah ExxonMobil, Honda, CIMB Bank, Top Glove, Schlumberger, Petron, UMW, KPJ dan banyak lagi.

PERKESO menyeru orang ramai termasuklah golongan profesional, ahli akademik, para majikan, pencari kerja, graduan dan lepasan sekolah supaya menyertai IPEF 2021. Pendaftaran boleh dibuat mulai sekarang menerusi pautan www.perkeso.gov.my/ipef. Untuk sebarang maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi **nombor Careline PERKESO** di **1300-22-8000** atau emel ke ipef@perkeso.gov.my.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Strategik

25 OGOS 2021

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi Izad Hj Raya, Ketua Pegawai Komunikasi di talian +6012 – 6377 890, Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720 atau S. Retnanathan di talian +6016 – 2555 602